

Syor terbit dokumen pelaksanaan Malaysia MADANI

BH - 25/11/2023 m/s: 4

Kuala Lumpur: CUEPACS meminta kerajaan menyediakan dan menerbitkan dokumen dasar berkaitan pelaksanaan slogan Malaysia MADANI selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata slogan atau tema tidak memadai jika tidak diterjemahkan kepada pelan tindakan dan pelaksanaan bagi membolehkan konsep digariskan Perdana Menteri Ke-10 itu dapat direalisasikan.

Katanya, dokumen itu penting dalam memastikan setiap kementerian dan agensi kerajaan dapat mendukung konsep itu serta memudahkan pemantauan atau keberkesanan tindakan setiap jabatan terbabit.

"Setiap Perdana Menteri akan memperkenalkan slogan dan tema masing-masing. Sebelum 'Malaysia MADANI', slogan atau tema 'Keluarga Malaysia', 'Malaysia Prihatin' dan 'Malaysia Baharu' turut diperkenalkan

oleh Perdana Menteri terdahulu.

"Perubahan slogan atau tema yang kerap kali bertukar memberikan kos kepada kerajaan kerana dokumen dasar seperti yang disemak ketika ini, iaitu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) perlu dicetak dengan perubahan kepada konsep bersesuaian dengan Malaysia MADANI.

"Konsep Malaysia MADANI perlu diterjemahkan kepada sektor awam terlebih dahulu kerana sektor ini adalah jentera penggerak utama dasar kerajaan. Pada peringkat sektor awam, selain isu gaji, isu berkaitan pembangunan modal insan, pengagihan adil dan kebajikan perlu diambil perhatian," katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari mahu kerajaan mewujudkan petunjuk prestasi (KPI) Malaysia MADANI bagi memantau kemajuan yang dilakukannya oleh setiap agensi.

Beliau dilaporkan berkata, setiap tonggak berkenaan perlu dipadankan dengan dokumen dasar pembangunan jangka pendek dan sederhana untuk melihat manfaat kepada pemulihan ekonomi.

Utama kesejahteraan rakyat

Dalam pada itu, Adnan berkata, dalam merealisasikan konsep berkenaan, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah tonggak kedua MADANI iaitu kesejahteraan rakyat.

"Ini terutama rakyat yang berada dalam B40 serta sebahagian

M40 yang sedang bergelut dengan kos sara hidup akibat pendapatan yang meningkat dengan perlahan.

"Jadi, sebuah kerajaan yang mendukung konsep MADANI perlu mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan dan menggalakkan perkongsian keuntungan antara majikan dan pekerja," katanya.

Bagaimanapun, katanya, penjawat awam akan sentiasa mendukung setiap aspirasi yang dibawa dan tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan sebarang dasar kerajaan.

“Konsep Malaysia MADANI perlu diterjemah kepada sektor awam terlebih dahulu kerana sektor ini adalah jentera penggerak utama dasar kerajaan”

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS



"Penjawat awam cukup berpengalaman untuk berkhidmat pada negara serta mematuhi kerajaan yang dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Pengalaman kerap bertukar kerajaan sebelum ini juga digunakan dalam memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dapat dilaksanakan sebaiknya tanpa gangguan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai RMK-12, Adnan berkata, kerajaan perlu mencapai sasaran menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan isi rumah RM10,000 menjelang 2025.

"Ini bermakna, isi rumah yang bekerja membabitkan empat individu boleh mendapat pendapatan RM2,500 setiap orang dan bagaimanakah kerajaan dapat mencapai sasaran ketika gaji minimum di sektor awam masih RM1,200," katanya.